

NO. SOALAN: 105

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : UST. DATUK DR. MOHD. KHAIRUDDIN
BIN AMAN RAZALI [KUALA NERUS]**

TARIKH : 26 MEI 2016

RUJUKAN : 9074

SOALAN:

**Ust. Datuk Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus] minta
MENTERI DALAM NEGERI menyatakan jumlah dan kategori kes salah laku
yang melibatkan anggota PDRM sejak 2013 hingga sekarang.**

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

PDRM mengambil pendekatan tiada tolak ansur ke atas warganya yang melakukan kesalahan tatatertib, salah gunakuasa, rasuah, terlibat dalam kes jenayah, dadah dan akan memastikan amalan disiplin yang tinggi sentiasa dipatuhi oleh setiap pegawai dan anggota polis. Mana-mana pegawai dan anggota yang didapati melakukan apa-apa pelanggaran peraturan, tindakan tatatertib yang tegas akan dikenakan terhadap mereka termasuk mendakwa di Mahkamah.

Statistik kes salah laku yang melibatkan pegawai dan anggota polis bagi tahun 2013 sehingga April 2016 adalah seperti berikut:-

BI L	KONTINJEN/ TAHUN	2013			2014			2015			2016 JAN-APRIL		
		PEG	APR	JUM	PEG	APR	JUM	PEG	APR	JUM	PEG	APR	JUM
1	JENAYAH	3	26	29	5	29	34	3	70	73	2	10	12
2	DADAH	3	54	57	1	52	53	0	59	59	0	7	7
3	RASUAH	6	18	24	4	21	25	9	30	39	0	1	1
4	LAIN-LAIN	155	1126	11281	138	1454	1592	138	1379	1517	26	355	381
JUMLAH		167	1224	1391	148	1556	1704	150	1538	1688	28	373	401

PEG- Pegawai, APR- Anggota Pangkat Rendah